

# Indonesia gantung eksport produk ikan beku susulan virus

Sinar Harian 21/9/2020 M/S 33

FOTO: REUTERS



Kementerian Perikanan berkata virus dikesan di bahagian paling luar bungkusan bukan pada ikan.

**JAKARTA** - Indonesia menggantung eksport syarikat makanan laut, PT Putri Indah ke China selepas produk ikan bekunya didapati positif ujian koronavirus (Covid-19).

Kementerian Perikanan berkata, siasatan sedang dijalankan dan penggantungan hanya berkuatkuasa ke atas syarikat PT Putri Indah manakala syarikat makanan laut lain boleh meneruskan aktiviti eksport seperti biasa.

Menurut kementerian terbabit, virus dilaporkan dikesan di bahagian paling luar bungkusan dan bukannya pada ikan.

Tambah kementerian, penggantungan tujuh hari tersebut bermula Jumaat lalu.

Dalam pada itu, Pentadbiran Kas-tam China berkata pihaknya berhenti menerima permohonan import PT Putri Indah selama seminggu selepas satu set ikan beku syarikat tersebut diuji positif untuk Covid-19. - Agensi